

# Percepatkan pemulihan, kukuh daya tahan ekonomi

BH- 31/10/2021 m/s: 3

MIDF Research, Khazanah yakin belanjawan pemangkin pertumbuhan mampan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** MIDF Amanah Investment Bank Bhd (MIDF Research) menjangkakan ekonomi negara meneruskan trend pemulihan pada 2022 berikutan pembukaan semula ekonomi serta mengekalkan ramalan pertumbuhan pada tahun ini sebanyak 4.6 peratus.

Pengarah Urusan Kumpulan MIDF, Datuk Charon Mokhzani, berkata jangkaan itu berikutan pembentangan Bajet 2022 semalam dengan pendekatan memulihkan sosioekonomi negara.

Katanya, pembentangan itu memberikan sokongan kepada rakyat serta perniagaan yang terjejas akibat pandemik COVID-19, pada masa sama, menjadi pe-

mangkin ekonomi bagi memastikan pertumbuhan kukuh dan mampan.

“Bajet 2022 ini akan membantu kita pulih daripada kesan pandemik COVID-19 dan meletakkan Malaysia pada landasan betul ke arah pertumbuhan jangka panjang.

“Kami mengalu-alukan bantuan tunai kepada mereka yang memerlukan serta memberi tumpuan kepada pendidikan dan kanak-kanak.

Kerajaan perlu mengekalkan keseimbangan antara pelaburan untuk masa depan seperti memperkasakan TVET serta teknologi, pada masa sama, memberikan bantuan kepada mereka terjejas teruk akibat pandemik,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Daripada sejumlah RM332.1 bilion peruntukan Bajet 2022, sebanyak RM233.5 bilion untuk perbelanjaan mengurus, RM75.6 bilion pembangunan, manakala RM23 bilion diletakkan di bawah Kumpulan Wang COVID-19, dengan RM2 bilion disediakan sebagai simpanan luar jangka.

“Sokongan dan kaedah merencanakan aktiviti perniagaan bagi perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) juga turut di-



berikan penekanan.

“Akses pada pembiayaan dengan pelbagai pinjaman mampu membuat PMKS pulih dan berkembang selepas mengharungi tempoh sukar tahun ini.

“Perkara ini selaras dengan aspirasi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dan komited memberikan dorongan yang diperlukan untuk pemulihan ekonomi,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan Khazanah Nasional Bhd, Datuk Amirul Feisal Wan Zahir, berkata Bajet 2022 ialah pelan fiskal komprehensif yang akan memacu pemulihan ekonomi yang kukuh dan mampan sambil menyediakan keterangkuman sosioekonomi serta perlindungan sosial yang meluas.

Keutamaan sudah diberikan kepada infrastruktur penjagaan kesihatan dan pendidikan serta pelaburan dalam infrastruktur

digital dan kesalinghubungan digital untuk memastikan warga individu dan entiti perniagaan muncul lebih kukuh.

“Kedua-dua Bajet 2022 dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) datang ketika Malaysia dan seluruh dunia mula bangkit daripada pandemik global COVID-19,” katanya seperti dilaporkan *BERNAMA*.

Selaras dengan RMK12, beliau berkata, Khazanah dan syarikat penerima pelaburan akan sama-sama memainkan peranan dalam menyampaikan inisiatif dalam Bajet 2022, seperti Jalinan GLC untuk mengukuhkan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), Program Pekerjaan Jangka Pendek Malaysia (MySTEP) dan Peranti Siswa Keluarga Malaysia.

“Khazanah juga kekal komited untuk merealisasikan matlamat Perkukuh Pelaburan Rakyat dan memacu pelaburan pemangkin menerusi dana Dana Impak yang bernilai RM6 bilion,” katanya.

Beliau berkata, belanjawan yang dibentangkan itu juga mempercepatkan pemulihan ekonomi Malaysia, selain mengukuhkan daya tahan ekonomi apabila negara membuka semula secara beransur-ansur sektor ekonomi dan sosialnya.

“Bajet 2022 ini akan membantu kita pulih daripada kesan pandemik dan meletakkan Malaysia pada landasan betul ke arah pertumbuhan jangka panjang”



**Charon Mokhzani,**  
Pengarah Urusan  
Kumpulan MIDF

“Kedua-dua Bajet 2022 dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) datang ketika Malaysia dan seluruh dunia mula bangkit daripada pandemik global COVID-19”



**Amirul Feisal Wan Zahir,**  
Pengarah Urusan  
Khazanah  
Nasional Bhd